

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 8623

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah levi dan apa-apa penerimaan, sila senaraikan jenis, oleh kerajaan bagi pengimportan pekerja migran, contohnya levi, fi, dan lain-lain. Sila berikan statistik tersebut dari 2010-2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenakan bayaran levi pekerja asing berdasarkan sektor pekerjaan. Bayaran levi mengikut sektor formal dan informal adalah seperti berikut:

BI	SEKTOR	BAYARAN LEVI (RM)
1.	Perkhidmatan	1,850.00
	Pembuatan & Pembinaan	1,250.00
	Perladangan	590.00
	Pertanian	410.00
2.	INFORMAL	Pembantu Rumah Asing (PRA) 410.00

Jumlah levi yang dikutip oleh Kerajaan daripada pekerja asing mengikut tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN LEVI (RM)
2010	461,371,560.00
2011	348,727,165.30
2012	799,039,255.00
2013	446,236,565.00
2014	734,212,560.00
2015	254,620,510.00